

11/01/2004

Saya tidak ambil mudah: Najib

Kalimullah Hassan

DATUK Seri Najib Razak sengaja tiba lewat beberapa minit bagi menghadiri mesyuarat Kabinet pertamanya sebagai Timbalan Perdana Menteri, Rabu lalu. Mengatur langkah sambil diiringi rasa cemas dan bimbang, beliau tidak tahu apa bentuk sambutan yang menunggu.

Namun demikian, apabila semua anggota Kabinet mengetuk meja sebagai tanda sokongan sebaik saja melihat kelibatnya melangkah masuk, barulah hati Najib lega dan terus mengambil tempat di kerusi yang agak asing baginya - di sebelah kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dalam temu bual di kediamannya dua malam selepas pelantikan sebagai Timbalan Perdana Menteri, Najib yang tampil kasual dengan kemeja T merah dan sesekali melayan tetamu yang tidak putus-putus berkunjung bagi mengucapkan tahniah, kelihatan selesa dengan tanggungjawab barunya.

Bagaimanapun suasana itu berbeza dibandingkan keadaan Najib pada pagi 7 Januari lalu apabila beliau memulakan harinya dengan melihat semua akhbar memaparkan berita beliau akan dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri sebagai tajuk utama muka depan. Najib menerima surat pelantikannya daripada Abdullah pada jam 5.45 petang hari sebelumnya, manakala pengumuman rasmi dijadual dibuat pada 1.30 tengah hari selepas selesai mesyuarat Kabinet.

Apabila beliau tiba untuk menghadiri mesyuarat Kabinet pagi itu, Najib berkata: "Saya terfikir, adakah saya patut masuk ke mesyuarat dan duduk di sebelah kanan Perdana Menteri kerana di situlah tempat timbalannya? Pada masa sama, saya berfikir mungkinkah anggota Kabinet yang belum diberitahu akan menganggap saya memandai-mandai? Saya memang sudah tahu tetapi mereka belum."

Berikutan itu, beliau mundar-mandir di koridor dan masuk ke bilik air untuk melengah-lengahkan masa.

"Saya membuat keputusan untuk masuk hanya selepas PM memberitahu anggota Kabinet. Jadi, saya tunggu di bilik air dengan perasaan gementar dan menanti beberapa minit sebelum melangkah ke bilik mesyuarat.

"Apabila semua menteri yang ada mula mengetuk meja, saya tahu Pak Lah sudah memberitahu mereka dan saya boleh mengambil tempat di kanan beliau," katanya sambil ketawa mengenangkan detik itu.

"Itulah cara bagaimana saya diperkenalkan sebagai Timbalan Perdana Menteri," tambahnya.

Dan Najib benar-benar lega apabila pengumuman rasmi mengenainya dibuat. Selepas mengharungi beberapa bulan yang dipenuhi teka-teki, beliau akhirnya dinamakan sebagai pengganti Abdullah.

Sebagai naib presiden Umno paling kanan, Najib sememangnya dianggap sebagai calon paling layak menyandang jawatan itu.

Begitupun, apabila Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan persaraannya pada Jun 2002 dan secara terbuka menamakan Abdullah sebagai penggantinya, khabar angin mengenai pelbagai 'kalau' kencang bertiup melingkari perbualan ahli Umno.

Kalau Abdullah mengambil alih, siapa menjadi timbalannya? Kalau bukan Najib, adakah Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menjadi pilihan? Kalau bukan kedua-duanya, mungkinkah peluang berpihak kepada Datuk Seri Rafidah Aziz atau Datuk Seri Dr Rais Yatim?

Sesetengah daripada spekulasi yang ditimbulkan agak keterlaluan dan diakui, Najib sendiri kurang pasti mengenai kedudukannya.

Walaupun ramai yang menyifatkan Najib adalah calon paling layak berikutan kedudukannya sebagai Naib Presiden paling kanan, tetapi sejarah Umno tidak pernah menyaksikan Naib Presiden paling kanan menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Dr Mahathir adalah Naib Presiden nombor tiga ketika dipilih oleh Tun Hussein Onn sebagai timbalannya. Tun Ghafar Baba juga bukan naib presiden kanan apabila dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri berikutan peletakan jawatan Tan Sri Musa Hitam pada 1986.

Malah, Abdullah sendiri adalah Naib Presiden nombor dua apabila dilantik sebagai timbalan kepada Dr Mahathir.

Sejak awal lagi, mereka yang rapat dengan Abdullah sudah membayangkan Najib adalah pilihan terbaik. Justeru, mengapa beliau masih kurang yakin mengenainya?

"Saya tidak pernah mengambil mudah sebarang perkara. Saya tidak menganggapnya sebagai sesuatu yang sepatutnya berlaku begitu (fait accompli) walaupun saya selesa bersama Pak Lah. Dalam sistem politik negara ini, kita hanya boleh berasa yakin apabila Perdana Menteri sudah membuat pengumuman," katanya.

Beliau mengibaratkan keadaan itu seperti cek tarikh tertunda (post-dated cheque).

"Kita tidak tahu betulkah wang itu ada selagi cek belum ditunaikan," katanya dalam nada berseloroh.

Apa yang diharapkan kini, tegas Najib, ialah untuk Abdullah berasa yakin dalam memilihnya sebagai timbalan.

Apabila Abdullah memaklumpkannya mengenai pelantikan sebagai Timbalan Perdana Menteri pada petang 6 Januari lalu, barulah Najib menganggap 'cek tarikh tertunda itu memang boleh ditunaikan'.

Selepas Najib menduduki kerusi baru pada mesyuarat Kabinet keesokan harinya, Abdullah mengumumkan perubahan lain dalam Kabinet dan meminta semua pihak memberi kerjasama penuh kepada Najib.

Seorang menteri kanan memberitahu penulis, di hujung mesyuarat itu, Najib menghampiri Abdullah dan berkata dalam nada yang agak emosional: "Saya akan sentiasa mengingatkan diri bahawa saya adalah orang nombor dua Datuk Seri. Dengan peredaran masa, saya harap saya dapat meyakinkan Datuk Seri bahawa ini adalah pilihan yang betul."

Ditanya adakah benar beliau berbuat demikian, Najib tergelak dan berkata: "Ya, lebih kurang macam tu lah."

Najib menjelaskan, beliau terharu dengan keyakinan Abdullah melantiknya sebagai timbalan dan apa yang diluarkannya pada mesyuarat itu didorong oleh naluri dan "datang dari lubuk hati saya."

"Di akhir mesyuarat itu, saya berasa perlu untuk mengucapkan sesuatu. Saya meluarkannya dari hati yang ikhlas."

Sejak beberapa hari lalu, Najib menampilkan kesungguhan dalam mengulangi secara terbuka apa yang diperkatakannya dalam mesyuarat Kabinet itu, iaitu berikrar untuk setia kepada Abdullah dan bekerja keras bagi memastikan kejayaan agenda negara.

Seperti dijanjikan, tugas yang perlu dilaksanakan itu akan datang satu persatu.

Sejak mengambil alih teraju kepemimpinan, Abdullah bekerja tanpa henti, termasuk mengadakan lawatan ke beberapa negeri, di samping melakukan kunjungan hormat kepada ketua negara anggota Asean.

Dua hari selepas Najib dilantik, Majlis Tertinggi Umno bersetuju supaya beliau menjalankan tugas Timbalan Presiden Umno, di samping perlu mempengerusikan mesyuarat mingguan jawatankuasa pengurusan Umno.

Beliau juga akan mempengerusikan beberapa jawatankuasa Kabinet - Abdullah menggalas tanggungjawab sama ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri - dalam usaha bekerja bersama Abdullah bagi mengatur strategi

pilihan raya umum yang mesti dibuat sebelum hujung tahun ini.

Bagaimanapun, spekulasi menyebut ia akan diadakan lebih awal, kemungkinan dalam suku kedua tahun ini.

Dalam satu pertemuan bersama pengarang kanan media November lalu, Abdullah berkata timbalannya akan turut menjelajah ke seluruh negara bagi membantu persediaan menghadapi pilihan raya.

Ketika hanya menjadi Menteri Pertahanan dan Naib Presiden Umno, tugas Najib sememangnya lebih ringan. Namun demikian, mulai sekarang, banyak yang perlu dilakukannya. Jumlah tetamu di rumah dan pejabatnya pasti bertambah ramai manakala pembantunya pasti dihujani dengan panggilan telefon serta permintaan untuk menemui Timbalan Perdana Menteri.

Tidak lama lagi, jambangan bunga tanda ucapan tahniah yang tersusun memenuhi ruang tamunya akan mulai layu. Namun yang pasti, tanggungjawab besar yang menunggu Najib akan bermula.

"Saya sudah bersedia menghadapinya. Kita mahu Malaysia berada dalam peta antarabangsa. Saya akan bekerja keras bagi mencapai agenda negara yang ditetapkan oleh Perdana Menteri," ikrarnya.

Pada usia 50 tahun, Datuk Seri Najib Razak memiliki tenaga untuk berbuat demikian. Dan seperti yang diyakini penyokongnya, beliau turut mempunyai kesungguhan dan keazaman untuk memenuhi segala janjinya.